

D343

U B848 AAB  
MAHATHIR - MUSA R R R

KUALA LUMPUR, 6 OKT (BERNAMA) -- DATUK MUSA HITAM TIDAK MAHU DICALONKAN UNTUK PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG KERANA BELIAU MAHU BERSARA DARIPADA POLITIK, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA BEKAS TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU BERKERAS DENGAN KEPUTUSAN ITU WALAUPUN BELIAU SENDIRI MENELEFON DAN MEMINTANYA SUPAYA BERTANDING LAGI.

+DIA TIDAK LAGI BERMINAT DALAM BIDANG POLITIK DAN INGIN MENERUSKAN KHIDMAT KEPADA NEGARA SEPERTI YANG DIBUATNYA SEKARANG,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI MENARA DATUK ONN, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

DATUK MUSA, 56, KINI IALAH DUTA KHAS NEGARA KE BANGSA-BANGSA BERSATU, SEJAK DILANTIK JANUARI LEPAS. BELIAU MERUPAKAN ANGGOTA PARLIMEN KOTA TINGGI SEBELUM PEMBUBARAN PARLIMEN SEMALAM.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUSA PRESIDEN UMNO, BERKATA NAMA DATUK MUSA ADA DALAM SENARAI PERTAMA CALON TETAPI TELAH DIKELUARKAN BERKUTAN KEPUTUSANNYA MENARIK DIRI DARIPADA POLITIK. -- LAGI  
1404HST 06 10 90

U B851 AAB  
MAHATHIR - MUSA 2 KUALA LUMPUR R R R

PERDANA MENTERI BERKATA SETELAH DATUK MUSA MEMBERITAHU MENTERI BESAR JOHOR TAN SRI HAJI MUHYIDDIN YASSIN UNTUK TIDAK MAHU BERTANDING, BELIAU SENDIRI TELAH MENELEFON BEKAS TIMBALANNYA ITU DI NEW YORK.

+SAYA TELAH MINTA SUPAYA DIA BERTANDING DAN DIA KERAS-KERAS TIDAK MAHU...DIA KATA WALAU APA PUJUKAN SEKALIPUN, DIA TIDAK HENDAK,+ KATANYA.

MENURUTNYA, DATUK MUSA MENYATAKAN YANG DIA TIDAK MAHU MENGELUARKAN KENYATAAN MENGENAI KEPUTUSANNYA AWAL-AWAL SEBELUM TARIKH PILIHAN RAYA UMUM DIKETAHUI KERANA TIDAK MAHU DIGANGGU DENGAN RAYUAN OLEH MEREKA YANG MAHU DIA BERTANDING.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU JUGA BERTANYAKAN DATUK MUSA MENGENAI KENYATAAN YANG DIBUATNYA SELEPAS KEPUTUSAN MAHKAMAH TERHADAP KES SAMAN TERHADAP PENGARANG S.H.ALATTAS MENGENAI BUKU +SIAPA LAWAN SIAPA (CHALLENGER) APABILA (DATUK MUSA) MENYEBUT KEPUTUSAN ITU SEBAGAI +PENYIMPUL YANG MUDAH BAGI KARIER POLITIK SAYA.+

KATANYA, DATUK MUSA MENYERAHKAN KEPADA PEMBERITA UNTUK MEMBUAT KESIMPULAN MENGENAI KENYATAAN ITU KERANA BELIAU TIDAK MAHU RAYUAN-RAYUAN DIBUAT UNTUK BELIAU TERUS BERADA DALAM ARENA POLITIK. SEKIRANYA BELIAU MEMBERIKAN KENYATAAN YANG TEPAT KETIKA ITU. -- LAGI  
1422HST 06 10 90

D358

U B856 AAB  
MAHATHIR - MUSA 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

DITANYA SAMA ADA TERDAPAT WAKIL-WAKIL RAKYAT LAIN YANG MENYATAKAN HASRAT UNTUK TIDAK BERTANDING, PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA ITU HANYA AKAN DIUMUMKAN PADA HARI PENAMAAN CALON KHAMIS INI.

+DALAM SETIAP PILIHAN RAYA TENTU SAHAJA ADA ORANG YANG AKAN DIGUGURKAN UNTUK MEMBERIKAN LALUAN KEPADA MUKA-MUKA BARU,+ KATANYA. BELIAU JUGA BERKATA MESYUARAT HARI INI TELAH MENYEMAK SEMUA PERSIAPAN DAN MENYUSUN PROGRAM LAWATAN KEMPEN MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM PADA 20 DAN 21 OKT.

IA JUGA MEMBINCANGKAN MENGENAI PERATURAN PILIHAN RAYA TERMASUK SOAL POSTER YANG TIDAK DIBENARKAN DITAMPAL DI BANGUNAN-BANGUNAN DAN HARTA KERAJAAN SEPERTI TIANG ELEKTRIK DAN TELEFON.

PERDANA MENTERI BERKATA BARISAN NASIONAL (BN) AKAN MEMATUHI PERATURAN ITU TETAPI TIDAK DAPAT BERBUAT APA-APA TERHADAP POSTER-POSTER YANG TELAH DITAMPAL DI TEMPAT-TEMPAT BERKENAAN SEJAK BERBULAN-BULAN DAHULU.

+KALAU MAJLIS DAERAH DAN PENGUSAHA TEMPATAN HENDAK MENGENAKAN DENDA KE ATAS KITA, KITA TERPAKSALAH BAYAR TETAPI MULAI SEKARANG KITA AKAN MEMATUHI PERATURAN YANG DITETAPKAN,+ KATANYA. -- BERNAMA  
1449MST 06 10 90